**Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)**

**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**

# PROSEDUR BAGI PERMOHONAN DATA REMOTE SENSING

Mei 2011

| BIL. | JENIS PERKHIDMATAN | CATATAN |
|---|---|---|
| 1. | **PERMOHONAN IMEJ SATELIT REMOTE SENSING TIDAK TERPERINGKAT** | i. Permohonan bagi mendapatkan imej satelit remote sensing **tidak terperingkat** (resolusi lebih daripada 5m) adalah menggunakan Borang Permohonan Data Remote Sensing **Tidak Terperingkat** iaitu **Borang BK-MPD-1 (2010** (**Lampiran 1**). Maklumat yang diperlukan ialah :<br>a. Maklumat diri pemohon dan agensi/syarikat;<br>b. Sebab-sebab kenapa imej satelit remote sensing tersebut dikehendaki; dan<br>c. Jenis dan produk imej satelit remote sensing yang dipohon.<br><br>ii. Borang permohonan tersebut perlu disertakan bayaran dalam bentuk Pesanan Tempatan/ Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos/Cek atas nama Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia;<br><br>iii. Borang permohonan yang telah lengkap perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia dialamat :<br><br>Ketua Pengarah<br>Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)<br>No. 13, Jalan Tun Ismail<br>**50480 Kuala Lumpur**<br><br>iv. Jangkamasa bekalan imej satelit remote sensing tidak terperingkat adalah antara 4 hingga 15 hari bekerja;<br><br>v. Penghasilan semula data yang dipohon dalam apa jua bentuk untuk **tujuan komesil** adalah **tidak** dibenarkan; dan<br><br>vi. Penghasilan semula data yang dipohon dalam apa jua bentuk untuk **edaran kepada pihak ketiga** perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia. |

| BIL. | JENIS PERKHIDMATAN | CATATAN |
|---|---|---|
| 2. | **PERMOHONAN IMEJ SATELIT REMOTE SENSING TERPERINGKAT** | i. **Permohonan** imej satelit remote sensing **terperingkat** oleh :<br><br>a. **Kementerian atau Jabatan Kerajaan :** permohonan hanya boleh dibuat oleh Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha/Ketua Penolong Setiausaha/Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah/Penolong Ketua Pengarah/Ketua Jabatan Negeri/Timbalan Ketua Jabatan Negeri/Dekan/Pustakawan; dan<br><br>b. **Agensi swasta** : permohonan hanya boleh dibuat oleh Pengarah/Pengurus;<br><br>ii. Imej satelit remote sensing **terperingkat** adalah dikategorikan sebagai **dokumen geospatial terperingkat**, oleh itu permohonan mendapatkannya adalah mengikut prosedur di bawah **Pekelliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospatial Terperingkat**. Pemohon perlu melalui **tapisan keselamatan** oleh Bahagian Geospatial Pertahanan dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) yang memakan masa antara 14 hingga 30 hari;<br><br>iii. Pemohonan imej satelit remote sensing **terperingkat** adalah menggunakan **borang ’Permohonan Lesen Hak Cipta / Membeli Dokumen Geospatial Terperingkat’** iaitu **Borang PPNM-1 (Pind. 1/2008)** (**Lampiran 2**) yang dikeluarkan oleh Pengarah Pemetaan Negara, Direktorat Pemetaan Negara Malaysia.<br><br>Maklumat yang perlu diisi ialah :<br><br>a. Maklumat diri pemohon dan agensi;<br>b. Sebab-sebab kenapa imej satelit remote sensing **terperingkat** tersebut dikehendaki; dan |

| BIL. | JENIS PERKHIDMATAN | CATATAN |
|---|---|---|
| | | c. Maklumat agensi dan negara yang terlibat sekiranya imej satelit remote sensing **terperingkat** akan di bawah ke luar negara.<br><br>iv. Pemohon perlu menandatangani perakuan di ruangan 'Akuan Pemohon' dalam borang permohonan yang antara lain menyatakan pemohon berjanji akan mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang dinyatakan dalam borang permohonan serta menjelaskan segala bayaran yang perlu dibayar; dan pemohon akan menjaga dan mengendali imej satelit remote sensing **terperingkat** mengikut peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972;<br><br>v. Setiap permohonan perlu disertakan dengan :<br><br>a. Satu (1) salinan Kad Pengenalan Pemohon / Salinan Pasport;<br>b. Satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Syarikat / Pertubuhan / Perniagaan (Borang 9);<br>c. Satu (1) salinan Kad Pengenalan / Salinan Pasport Wakil yang akan mengambil imej satelit remote sensing **terperingkat** (jika berkenaan);<br>d. Pelajar : **Borang Maklumat Pelajar** (**Lampiran 3**) dan **Borang Akuan Pelajar** (**Lampiran 4**); dan<br>e. Konsultan/kontraktor yang dilantik oleh agensi kerajaan : Salinan Surat Perlantikan, Surat Sokongan dan **Borang *Undertaking by Appointed Consultant/Contractor*** (**Lampiran 5**).<br><br>vi. Pembayaran dalam bentuk Pesanan Tempatan/ Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos/Cek atas nama Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia perlu dilakukan setelah mendapat kelulusan Tapisan Keselaman; |

| BIL. | JENIS PERKHIDMATAN | CATATAN |
| --- | --- | --- |
| | | vii. Borang permohonan yang telah lengkap perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia dialamat :<br><br>Ketua Pengarah<br>Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)<br>No. 13, Jalan Tun Ismail<br>**50480 Kuala Lumpur**<br><br>viii. Jangkamasa pembekalan imej satelit remote sensing **terperingkat** adalah 4 hingga 15 hari **selepas** kelulusan tapisan keselamatan;<br><br>ix. Penghasilan semula data yang dipohon dalam apa jua bentuk untuk **tujuan komesil** adalah **tidak** dibenarkan; dan<br><br>x. Penghasilan semula data yang dipohon dalam apa jua bentuk untuk **edaran kepada pihak ketiga** perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia. |
| 3. | **PERMOHONAN IMEJ SATELIT REMOTE SENSING PERCUMA KATEGORI PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN** | i. Permohonan imej satelit remote sensing (**terperingkat** atau **tidak terperingkat**) secara **percuma** hanya boleh dipohon oleh pensyarah Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan pelajar warganegara Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan luar negara untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan sahaja;<br><br>ii. Permohonan perlu mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia;<br><br>iii. Permohonan adalah terhad kepada imej satelit remote sensing yang sedia ada dalam arkib Agensi Remote Sensing Malaysia sahaja. Saiz imej satelit remote sensing yang dipohon mestilah tidak melebihi 1,500 *pixel* dan bagi permohonan imej satelit pelbagai tarikh, jumlah keseluruhan saiz imej juga mestilah tidak melebihi 1,500 *pixel*. Sekiranya saiz imej satelit |

| BIL. | JENIS PERKHIDMATAN | CATATAN |
|---|---|---|
| | | yang dipohon melebihi had yang telah ditetapkan, bayaran akan dikenakan. Sebarang pemprosesan imej satelit remote sensing seperti pembetulan geometri imej hendaklah dilaksanakan sendiri oleh pemohon;<br><br>iv. Permohonan perlu disertakan **surat sokongan** daripada penyelia kursus dan **ringkasan projek** penyelidikan;<br><br>v. Permohonan imej satelit remote sensing **tidak terperingkat** hendaklah menggunakan **Borang BK-MPD-1 (1/2010)** (**Lampiran 1**);<br><br>vi. Permohonan imej satelit remote sensing **terperingkat** adalah mengikut prosedur serta syarat dan peraturan Permohonan Imej Satelit Remote Sensing Terperingkat. Oleh itu permohonan hanya boleh dibuat oleh Dekan atau Pustakawan dengan menggunakan **Borang PPNM-1 (Pind. 1/2008)** (**Lampiran 2**) manakala pelajar perlu mengisi **Borang Maklumat Pelajar** (**Lampiran 3**) dan **Borang Akuan Pelajar** (**Lampiran 4**);<br><br>xi. Borang permohonan yang telah lengkap perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia dialamat :<br><br>Ketua Pengarah<br>Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)<br>No. 13, Jalan Tun Ismail<br>**50480 Kuala Lumpur**<br><br>vii. Jangkamasa pembekalan (**Lampiran 6**) imej satelit remote sensing **tidak terperingkat** secara **percuma** adalah antara 14 hingga 30 hari bekerja manakala bagi imej satelit remote sensing jenis **terperingkat**, **TAMBAHAN** 14 hingga 30 hari bekerja diperlukan untuk **tapisan keselamatan** oleh Bahagian Geospatial Pertahanan dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). |

| BIL. | JENIS PERKHIDMATAN | CATATAN |
|---|---|---|
| | | viii. Imej satelit yang dipohon mestilah digunakan untuk tujuan pendidikan atau penyelidikan yang dinyatakan di dalam borang permohonan sahaja;<br><br>vii. Penghasilan semula data yang dipohon dalam apa jua bentuk untuk **tujuan komesil** adalah **tidak** dibenarkan;<br><br>xii. Penghasilan semula data yang dipohon dalam apa jua bentuk untuk **edaran kepada pihak ketiga** perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia;<br><br>ix. Pelajar hendaklah menyerahkan imej satelit yang telah selesai digunakan kepada penyelia untuk simpanan jabatan bagi kegunaan penyelidikan pelajar lain. Sebarang salinan untuk simpanan peribadi pelajar adalah tidak dibenarkan. Jabatan hendaklah memastikan imej satelit jenis **terperingkat** dikendalikan mengikut peruntukan **Akta Rahsia Rasmi 1972** termasuk disimpan di tempat berkunci dan tidak membenarkan orang-orang yang tiada kebenaran menggunakannya; dan<br><br>x. Satu salinan **laporan hasil penyelidikan/tesis** hendaklah diserahkan kepada Agensi Remote Sensing Malaysia sebagai simpanan dan rujukan, dan setiap penerbitan mestilah menyatakan **“*Ehsan data daripada Agensi Remote Sensing Malaysia***”; |

| BIL. | JENIS PERKHIDMATAN | CATATAN |
| --- | --- | --- |
| | | **PANDUAN UMUM :**<br><br>i. Borang-borang berkaitan dan senarai harga (**Lampiran 6**) boleh diperoleh melalui laman web ARSM iaitu www.remotesensing.gov.my;<br><br>ii. Jangkasama pembekalan adalah seperti Piagam Pelanggan Agensi Remote Sensing Malaysia (**Lampiran 7**);<br><br>iii. Soalan lazim mengenai perkhidmatan data remote sensing boleh diakses melalui ruangan FAQ di portal ARSM;<br><br>iv. Sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat yang lebih lanjut, sila hubungi :<br><br>a. Puan Zainul Izzah Ahmad<br>Tel : 03-26966875<br>E-mel : izzah@remotesensing.gov.my<br><br>b. Puan Suziyanna Arshad<br>Tel : 03-26966874<br>E-mel : suziyanna@remotesensing.gov.my<br><br>c. Puan Noorlydia Ahmad<br>Tel : 03-26966876<br>E-mel : noorlydia@remotesensing.gov.my<br><br>d. En. Syariman Samsudin<br>Tel : 03-26966894<br>E-mel : syariman@remotesensing.gov.my<br><br>**ATAU**<br><br>a. E-mel : rs@remotesensing.gov.my<br>b. Faks : 03-26973350<br>c. Tel : 03-26973400<br>d. Laman web : www.remotesensing.gov.my *(FAQ berkaitan perkhidmatan data remote sensing.* |